

# Kajian Unsur Budaya dalam Buku-Buku Teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Tahap Tinggi

*A Study of Cultural Elements in High Level Chinese Language Textbooks for Primary National School*

Lim Kian Ming<sup>1</sup>, Fan Pik Shy<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Sekolah Kebangsaan Methodist ACS Kampar, Perak  
mikelim008@gmail.com

<sup>2</sup> Institut Pengajian China, Universiti Malaya, Kuala Lumpur  
fanpikshy@um.edu.my  
\*corresponding author

*Article history:*

Received: 26 September 2021

Accepted: 23 November 2021

Published: 30 November 2021

## Abstrak

Matlamat Pengajaran Bahasa Cina sebagai Bahasa Kedua (PBCBK) adalah untuk memupuk kompetensi komunikatif dalam kalangan murid-murid melalui bahasa sasaran yang dikuasai. Untuk mencapai tujuan ini, pengajaran unsur-unsur budaya yang berkaitan tidak dapat dipisahkan daripada pengajaran bahasa khususnya pada tahap tinggi dalam pembelajaran bahasa kedua. Buku teks memang memainkan peranan penting sebagai media untuk menyebarkan unsur-unsur budaya dalam bidang PBCBK. Penerokaan unsur-unsur budaya yang terkandung dalam buku teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK), kesedaran merentas budaya dalam PBCBK dan kesesuaian kandungan kebudayaan dalam buku teks PBCBK adalah mustahak demi memupuk kompetensi komunikatif dalam kalangan murid-murid dengan lebih memuaskan dan mengelakkan salah faham serta konflik. Maka, penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji unsur-unsur budaya dalam PBCBK berdasarkan enam buah buku teks BCSK tahap tinggi, iaitu buku teks BCSK KBSR (Kurikulum Bersepadu Sekolah Kebangsaan) tahun empat hingga tahun enam dan buku teks BCSK KSSR (Kurikulum Standard Sekolah Rendah) tahun empat hingga tahun enam demi meneliti perubahan kandungan unsur budaya dalam dua set buku teks BCSK tahap tinggi. Kaedah kajian kepustakaan dan kaedah teknologi maklumat telah digunakan untuk mengumpul data-data dan data-data yang dikumpul dianalisis dengan kaedah analisis kuantitatif dan kualitatif. Unsur-unsur budaya dalam dua set buku teks BCSK tahap tinggi dihitung dan dikategorikan berdasarkan kriteria klasifikasi unsur budaya yang direka bentuk oleh pengkaji berdasarkan kajian-kajian lepas dan rujukan pakar-pakar. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa (1) set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi terdapat lebih banyak unsur budaya, iaitu jumlah bilangan unsur budaya sebanyak 622 berbanding dengan 522 dalam set buku teks BCSK KBSR tahap tinggi dengan peningkatan sebanyak 19.16% dan (2) set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi boleh dikatakan lebih ideal untuk memupuk kompetensi komunikatif memandangkan unsur-unsur budaya dalam set buku teks BCSK tersebut lebih menjurus kepada unsur budaya komunikatif dengan mencatat 46.30% berbanding dengan 39.27% dalam set buku teks BCSK KBSR tahap tinggi. Hasil kajian ini akan membantu penulis dan penyunting buku teks BCSK mengintegrasikan bahasa dan budaya komunikatif dengan lebih sempurna dalam buku-buku teks PBCBK serta menjadi rujukan kepada penyediaan, penyelidikan dan pembangunan buku teks PBCBK pada masa depan. Penyediaan buku teks PBCBK dan strategi PBCBK pula amat perlu dibuktikan dengan amalan bilik darjah dan aktiviti pengajaran bahasa yang dijalankan di dalam bilik kelas BCSK dengan lebih lanjut dan unsur-unsur budaya pula juga melibatkan unsur-unsur budaya bukan bahasa, antaranya termasuk isyarat, bahasa tubuh badan dan sebagainya dalam komunikasi yang sebenarnya berlaku dalam kehidupan kita. Justeru, pengkajian memperdalam penyelidikan buku teks sebagai bahan pengajaran PBCBK dalam bidang ini boleh dilakukan pada masa depan.

**Kata Kunci:** unsur budaya, Pengajaran Bahasa Cina sebagai Bahasa Kedua, buku teks, sekolah kebangsaan

## Abstract

The goal of Teaching Chinese as a Second Language (TCSL) is to cultivate communication competence among students through their respective target languages. To achieve this, there is a correlation between the cultural elements and language teaching for the higher level studies of second language study. Textbooks play a crucial role as a medium to disseminate the cultural elements of TCSL. Extensive analysis of the cultural elements in the National Primary School's Chinese Language (BCSK) textbooks, cross-cultural awareness of TCSL and cultural compatibility is vital to Universiti Teknologi MARA, Vol. 5, No. 4, 2021

### Kajian Unsur Budaya dalam Buku-Buku Teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Tahap Tinggi

cultivate communicative competence among students and prevent misunderstanding and conflicts. This study examines the cultural elements in Teaching Chinese as a Second Language (TCSL) based on six high-level of National Primary School's Chinese Language (BCSK) textbooks, which are textbooks of BCSK KBSR (Primary School Integrated Curriculum) Standard four to Standard six and textbooks of BCSK KSSR (Primary School Standard Curriculum) Standard four to Standard six in order to investigate the changes of cultural elements content and describe the features of cultural elements in this two sets of high-level BCSK textbooks. Researcher has used library research methods and information technology methods to collect data and then use quantitative and qualitative analysis methods to calculate cultural elements in high-level BCSK textbooks by referenced to the criteria of classification of cultural elements which designed by researcher based on previous studies as well as the references of TCSL experts. The results showed that (1) high level BCSK KSSR textbooks are found that had more cultural elements for the total number of 622 compared to 522 in high-level BCSK KBSR textbook with the increasing of 19.16% and (2) high-level BCSK KSSR textbooks can be said to be more ideal to fostering communicative competence as the cultural elements in this set of BCSK textbooks are more geared towards communicative cultural elements with a record rate of 46.30% compared to 39.27% only in high-level BCSK KBSR textbooks. The outcome of this research will aid/help the writer and the BCSK textbook editor to integrate the language and communicative culture to reach a high degree of perfection and serve as a guideline/basis for readiness, analysis, and TCSL development in the future. TCSL preparation and strategy needs to be proven by the classroom practices and language teaching in BCSK classes. The cultural elements also need to be inclusive; by involving non-linguistic cultural elements such as sign language, body language, et cetera in communication which happen in real life. Thus, in-depth research for textbook as relevant TCSL teaching material will be further explored in the future.

**Keywords:** cultural elements, Teaching Chinese as a Second Language (TCSL), textbooks, National Primary School's Chinese Language

## Pengenalan

Pengajaran bahasa Cina di sekolah kebangsaan rendah di Malaysia bermula pada tahun 1950an<sup>1</sup>. Kelas bahasa Cina pada masa tersebut dikendalikan sebagai kelas bahasa ibunda atau *Pupil's Own Language (POL)*<sup>2</sup> (Zheng, 2008, p.14) dengan tujuan untuk membolehkan murid-murid berbangsa Cina dapat mempelajari bahasa ibunda di sekolah.<sup>3</sup> Kelas tersebut akan diadakan tanpa halangan sekiranya terdapat permintaan sekurang-kurangnya 15 orang ibu bapa pelajar Cina. Bagaimanapun, kelas Bahasa Cina tersebut hanya dibuka kepada murid-murid tahun tiga hingga tahun enam (Zheng, 2008, p.29-30) sahaja. Buku teks yang digunakan pada ketika itu berjudul Bahasa Cina dan diterbitkan oleh *The Malaya Press Sdn. Bhd.* (Zheng, 2008). Walau bagaimanapun, oleh sebab tiada dokumen rasmi yang mengatakan kelas bahasa Cina ini dikendalikan dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua, maka dipercayai kelas tersebut dilaksanakan mengikut pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda.

Kemudian, mulai tahun 1996, kelas Bahasa Cina ditawarkan kepada murid-murid tanpa mengira kaum<sup>4</sup> (Zheng, 2008, p.5; Yeap, 2012, p.2) dan ditetapkan sebagai kelas bahasa tambahan. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997; Zheng, 2008, p.19). Dengan itu, boleh dikatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua di sekolah rendah kebangsaan bermula pada tahun tersebut. Bagaimanapun, Bahasa Cina 华语 masih digunakan sebagai buku teks pada tempoh masa ini sehingga tahun 2003 (Zheng, 2008, p1; Yeap, 2012, p2).

Pada tahun 2003, selaras dengan matlamat pelaksanaan kelas Bahasa Cina yang ditawarkan kepada semua kaum, buku teks Bahasa Cina yang digunakan di sekolah kebangsaan ini telah digantikan dengan Ba-

hasa Cina Komunikasi 交际华语 (BCK). BCK mula diberi perhatian dan penekanan dengan dijalankan dua waktu seminggu dalam waktu pengajaran dan pembelajaran secara formal. Empat tahun kemudian, BCK digantikan pula dengan Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) 国小华语ekoran daripada pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 2007. BCSK yang diperkenalkan ini diajar sebanyak lima waktu seminggu mengikut modul pertama dan modul ketiga, iaitu sama ada dalam waktu pengajaran dan pembelajaran atau di luar waktu persekolahan (selepas waktu persekolahan pada hari Isnin hingga Jumaat<sup>5</sup>) pada peringkat rintis. Pada ketika itu, terdapat juga sekolah kebangsaan yang terpilih menjalankan kelas BCSK pada hari Sabtu mengikut model ketiga (Zheng, 2008, p.48). Buku teks dari tahun satu hingga tahun enam telah diterbitkan. Pada tahun 2011, KSSR diperkenalkan dan buku teks BCSK KBSR disemak mulai tahun 2017 sehingga masa sekarang. Kini terdapat hampir 1000 buah sekolah rendah kebangsaan di seluruh negara menawarkan kelas Bahasa Cina.

Ringkasnya, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina di sekolah kebangsaan rendah telah banyak mengalami perubahan sejajar dengan perubahan dasar pelajaran dan pelaksanaan kurikulum yang baru. Begitu juga halnya dengan buku-buku teks yang digunakan. Dari tahun 1957, buku teks bagi kelas Bahasa Cina yang digunakan di sekolah kebangsaan ialah Bahasa Cina. Diikuti dengan buku teks yang berjudul BCK yang mula digunakan pada tahun 2003. Selepas itu, buku teks BCK digantikan dengan BCSK pada tahun 2007 untuk memenuhi keperluan semasa dan selaras dengan perkembangan semasa bahasa Cina di peringkat global.

## Pernyataan Masalah

Matlamat PBCBK adalah untuk memupuk kompetensi komunikatif di kalangan murid-murid melalui bahasa sasaran yang dikuasai. Pakar dalam bidang PBCBK berpendapat bahawa komunikasi tidak dapat berjalan dengan lancar sekiranya murid-murid hanya sekadar menguasai bahasa sasaran<sup>6</sup> dalam pembelajaran bahasa kedua yang melibatkan komunikasi merentas budaya (Byram, 1989; Byram, 1993; Byram, 1998). Pakar dalam bidang antropologi dan bahasa di Amerika pula berpendapat bahawa hubungan bahasa dengan budaya adalah berkait rapat antara satu sama lain (Hymes, 1966; Brown, 2000) . Begitu juga dengan Jiang (2000) yang mengatakan bahawa hubungan antara bahasa, budaya dan komunikasi adalah tidak dapat dielakkan dan beliau melihat hubungan tersebut dengan merujuk kepada bahasa sebagai kenderaan, budaya sebagai lampu lalu lintas dan komunikasi sebagai pengangkutan. Oleh hal yang demikian, pengajaran bahasa memang tidak dapat dipisahkan daripada pengajaran budaya khususnya pada tahap tinggi. Dengan kata lain, untuk berkomunikasi dengan lancar, penguasaan pengetahuan unsur-unsur budaya adalah amat diperlukan di samping penguasaan bahasa.

### Kajian Unsur Budaya dalam Buku-Buku Teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Tahap Tinggi

Sejak akhir 1980an, pakar kajian PBCBK di China telah memberi tumpuan terhadap pengajaran unsur budaya dalam pengajaran bahasa Cina dan keadaan ini telah meningkatkan status pengajaran unsur-unsur budaya dalam PBCBK (Lu, 1990, p.37). Penyelidikan tentang pengajaran unsur-unsur budaya dalam bahasa telah menjadi isu yang hangat dipertikaikan. Ini disebabkan unsur-unsur budaya wujud dalam pelbagai bentuk dan beraneka jenis dalam buku teks PBCBK (Li, 2006). Tambahan pula, bahasa Cina sendiri kaya dengan kebudayaan yang berkembang selama 5000 tahun (Jin, 2003), justeru itu, pengajaran dan pembelajaran unsur budaya dalam PBCBK memang sukar untuk dikuasai. Menurut beberapa orang sarjana (Wei & Bian, 1992; Shu, 1996), pembelajaran bahasa Cina amat bergantung pada input budaya (*culture input*) dan perlu digabungkan dan diselaraskan dengan unsur-unsur budaya agar mencapai objektif pembelajaran (Hu, 1999).

Secara praktikal, proses komunikasi merentas budaya yang berlaku dalam PBCBK sebenarnya melibatkan “budaya kedua” (Liu, 2014, p.118). Masalah mengabaikan penerapan unsur budaya dalam PBCBK didapati sering timbul disebabkan buku teks PBCBK yang ditulis dan disunting hanya mementingkan pengajaran bahasa semata-mata sedangkan budaya dan bahasa adalah berkait rapat antara satu sama lain dan kegagalan mengintegrasikan unsur budaya ke dalam pengajaran bahasa secara lebih sistematik dan lebih sempurna akan menjaskankan keberkesanan pembelajaran dan penguasaan bahasa sasaran.

Unsur-unsur budaya dalam BCSK berperanan sebagai sebahagian daripada struktur dalaman dalam proses PBCBK (Bi & Zhang, 1994, p.1-5) .Buku-buku teks yang dikaji ini memainkan peranan sebagai pemangkin penting dalam pembelajaran bahasa dan kebudayaan bahasa sasaran.Kajian buku teks PBCBK daripada perspektif komunikasi merentas budaya sepatutnya dijadikan aspek yang perlu diberikan tumpuan perhatian yang sewajarnya dalam bidang PBCBK di Malaysia. Dalam konteks ini, memang terdapat banyak sarjana (Zhang, 1990; Dong, 1995; Hu, 1999; Lu, 2005; Lou, 2006; Zhou, 2009; Liu, 2006; Liu, 2014; Bi, 2015; Cui, 2016; Lin, 2017) berpendapat bahawa PBCBK semestinya menitikberatkan pengajaran kebudayaan (*cultural teaching*) dan pengajaran kebudayaan ini seharusnya dijadikan sebagai salah satu komponen yang penting dalam buku teks. Model pengajaran bahasa tidak dapat dipisahkan daripada latar belakang pengetahuan budaya dan budaya yang berdasarkan tingkah laku komunikasi memandangkan tujuan belajar bahasa kedua adalah untuk berkomunikasi antara satu sama lain (Bi & Zhang, 1994; Du, 2008; Liu, 2014).

## Objektif Kajian

Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji unsur-unsur budaya dalam PBCBK berdasarkan enam buah buku teks BCSK tahap tinggi, iaitu buku teks BCSK KBSR dan buku teks BCSK KSSR tahun empat hingga tahun enam demi meneliti perubahan kandungan unsur budaya dalam dua set buku teks ini. Secara lebih khusus, objektifnya adalah untuk mengkaji pengagihan unsur-unsur budaya pengetahuan dan

unsur-unsur budaya komunikatif yang terkandung dalam dua set buku teks BCSK tahap tinggi ini dan menganalisis perubahan kandungan unsur-unsur budaya tersebut.

## Kajian Literatur

### 1. Konsep Budaya Dan Unsur Budaya


Pada tahun 1871, ahli antropologi British Edward Burnett Tylor telah mengatakan bahawa budaya adalah “keseluruhan kompleks yang merangkumi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat dan apa-apa keupayaan dan tabiat lain yang diperoleh oleh manusia sebagai anggota masyarakat”. Krober & Kluckhohn (1952) pula pernah menyenaraikan sebanyak 164 definisi tentang “budaya” yang dapat ditemui daripada kajian literatur antropologi.

Menurut pakar PBCBK di China Liu (2014) pula, terdapat lebih daripada 250 takrifan tentang budaya sehingga akhir tahun 1996 (p.119). Budaya pada umumnya dapat dibahagikan kepada budaya material dan budaya rohani dalam erti kata yang luas. Budaya material merujuk kepada budaya yang wujud dalam bentuk kebendaan, antaranya termasuk alat-alat yang digunakan, iaitu peralatan untuk produksi dan peralatan dalam kehidupan dan sebagainya. Budaya rohani pula merujuk kepada budaya yang wujud dalam bentuk kerohanian, iaitu meliputi bidang pengetahuan (bahasa, falsafah, pendidikan, sains, agama), bidang seni (sastera, seni), bidang spesifikasi (moral, undang-undang), bidang sosial (sistem, organisasi, adat) dan sebagainya.

Bi (2015), seorang pakar yang mengkaji komunikasi merentas budaya dalam PBCBK di Tanah Besar China telah menegaskan bahawa perbezaan budaya merupakan aspek yang penting dalam PBCBK dengan melibatkan dua bahasa dan dua budaya yang berlainan. Beliau telah menggunakan “teori ais batu” dalam penyelidikan komunikasi merentas budaya untuk menerangkan konsep budaya. Beliau berpendapat bahawa budaya seperti ais batu, iaitu apa yang terapung di atas “permukaan air” yang terdiri daripada bahasa, gaya hidup, tingkah laku, cara komunikasi dan lain-lain adalah agak mudah untuk dijumpai dan dikenal pasti tetapi unsur-unsur yang tersembunyi di bawah “ais batu”, iaitu disiplin komunikasi, cara berfikir, motivasi komunikasi, sikap dan nilai-nilai adalah sukar untuk ditemui dan dikenal pasti (p.26-27). Unsur-unsur yang tersembunyi di bawah “ais batu” itu sebenarnya merujuk kepada “unsur budaya” dalam PBCBK. Dengan kata-kata lain, unsur-unsur budaya yang dimaksudkan adalah sebahagian daripada unsur yang tidak boleh diabaikan dalam aspek bahasa dan unsur-unsur tersebut seharusnya wujud sebagai sistem pengetahuan yang bebas dalam sistem bahasa dan mempunyai status yang sama seperti aspek fonetik, pembendaraan kata dan tatabahasa. Keadaan ini lebih jelas digambarkan melalui Rajah 1 seperti berikut:

## Rajah 1

*Unsur-unsur budaya dalam hubungan budaya dengan bahasa<sup>7</sup>*



Dalam PBCBK, pengajaran budaya dan unsur-unsur budaya merupakan dua perkara yang berbeza. Pengajaran budaya merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran budaya sebagai satu subjek atau kursus yang tersendiri manakala pengajaran dan pembelajaran unsur-unsur budaya akan dijalakan selaras dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Lin (1997) dalam artikel yang berjudul “Pembicaraan tentang Persoalan Penetapan Sifat, Kedudukan dan Kuantitatif Unsur-unsur Budaya dalam Pengajaran Bahasa Cina sebagai Bahasa Asing (PBKBA)” telah mengatakan bahawa unsur-unsur budaya merupakan subordinat kepada bahasa, iaitu bahasa meliputi unsur-unsur budaya. Oleh yang demikian, status unsur-unsur budaya adalah sama dengan sebutan bunyi dan tatabahasa dalam bahasa, iaitu merupakan salah satu komponen dalam sistem bahasa.

## 2. Unsur Budaya Pengetahuan Dan Komunikatif

Persoalan klasifikasi unsur budaya ini merupakan perkara yang agak mencabar dalam PBCBK. Pada tahun 1984, Zhang (1984, 1990) telah membahagikan unsur-unsur budaya dalam PBCBK kepada unsur-unsur budaya pengetahuan dan unsur-unsur budaya komunikatif daripada sudut pendekatan fungsi bahasa. Menurut pendapat Zhang, unsur-unsur budaya pengetahuan merujuk kepada pengetahuan latar belakang budaya yang tidak mempengaruhi secara terus pemahaman dan penggunaan kosa kata mahupun ayat ketika dua orang dari latar belakang budaya yang berbeza berkomunikasi antara satu sama lain manakala unsur-unsur budaya komunikatif merujuk kepada pengetahuan latar belakang budaya yang mempengaruhi secara terus komunikasi, iaitu menimbulkan salah faham dan konflik apabila kekurangan pengetahuan latar

belakang budaya tentang pemahaman dan penggunaan kosa kata mahupun ayat ketika dua orang dari latar belakang budaya yang berbeza berkomunikasi antara satu sama lain.

Zhao (1989) juga berpendangan sama terhadap prinsip pembahagian unsur-unsur budaya yang dikemukakan oleh Zhang dan telah menjelaskan lagi bahawa hanya unsur-unsur yang melibatkan komunikasi bahasa yang boleh mempengaruhi komunikasi merupakan unsur-unsur budaya dalam PBCBK. Sebagai contoh, “*lao huang niu* 老黃牛 bermaksud “lembu tua” dari segi makna kata dalam kamus. Dalam kehidupan orang Cina, orang yang bekerja keras akan dipanggil sebagai “*lao huang niu*” 老黃牛. Namun begitu, makna asal dan makna lanjutan kosa kata ini hanya dianggap sebagai unsur-unsur budaya apabila kita menggunakan “*lao huang niu*” untuk berkomunikasi, iaitu meletakkan kosa kata ini dalam konteks bahasa tertentu untuk menggambarkan semangat bekerja.

Selain itu, Zhao juga berpendapat bahawa unsur-unsur budaya komunikatif terutamanya unsur-unsur budaya yang tersembunyi dan tersirat dalam komunikasi bahasa akan mempengaruhi komunikasi antara dua pihak yang berlainan budaya, iaitu melibatkan pengetahuan latar belakang budaya dalam kosa kata, ayat mahupun perenggan tertentu dalam bahasa yang digunakan.” Contohnya, ayat “*Shen me feng ba ni chui lai le* 什么风把你出来了?” bukan bermaksud “apakah angin yang meniup kamu ke sini? ” tetapi sebenarnya merupakan budaya komunikatif dalam bahasa Cina yang berkaitan dengan kebiasaan orang Cina bertanyakn khabar.

Lu (1990) pula telah mengklasifikasikan unsur-unsur budaya dalam bahan pengajaran PBCBK kepada dua jenis : (1) berdasarkan unsur-unsur budaya, iaitu segala isi kandungan dalam bahan pengajaran yang disunting lebih mengutamakan unsur-unsur budaya dengan syarat bahawa sasaran pelajar (bahasa kedua) telah mempunyai pengetahuan bahasa yang asas dan (2) lebih mengutamakan pengetahuan bahasa, iaitu penulis dan penyunting berusaha untuk mengintegrasikan unsur-unsur budaya dengan bahasa dalam bahan pengajaran tersebut dan pendekatan ini dikatakan adalah lebih ideal untuk tahap permulaan pembelajaran bahasa kedua.

Chen (1992) meluahkan pendapat dengan membahagikan budaya dalam PBCBK kepada tiga jenis, iaitu budaya linguistik, budaya semantik dan budaya pragmatik. Wei & Bian (1992) pula membahagikan kandungan kebudayaan dalam PBCBK kepada unsur-unsur budaya tingkah laku dan unsur-unsur budaya psikologi, termasuk sebanyak 114 subkategori unsur-unsur budaya dari perspektif fungsi budaya. Hu (1993) seterusnya menegaskan bahawa kita seharusnya menerapkan isi kandungan kebudayaan yang berkait rapat dengan bahasa dalam proses pengajaran bahasa dan beliau telah menyenaraikan enam jenis unsur budaya yang kemungkinan besar membawa kesan secara langsung ke atas pembelajaran dan penggunaan bahasa dari segi pertbaharaan kata, cara penyampaian dan tabiat bahasa. Pandangan beliau dapat membantu menjelaskan penerapan unsur-unsur budaya dalam PBCBK yang kurang jelas. Zhang (1992)<sup>8</sup> dan Lin (1997)

### Kajian Unsur Budaya dalam Buku-Buku Teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Tahap Tinggi

pula membahagikan budaya komunikatif kepada kosa kata, bahasa lisan, konsep, adat, asosiasi, tingkah laku, bahasa isyarat badan dan bahasa hampir sama isyarat badan dari perspektif penyediaan bahan pengajaran PBCBK.

### 3. Ciri-Ciri Unsur Budaya

Kebanyakan kandungan unsur budaya terdiri daripada konsep yang abstrak, iaitu merangkumi dan mencerminkan konsep dan nilai bangsa, standard betul dan salah, adat istiadat sosial, fenomena psikologi, cara berfikir dan lain-lain (Zhao, 1989; Lv, 2006; Liu, 2014). Dengan kata-kata lain, unsur-unsur budaya ini sebenarnya tersembunyi dan tersirat dalam sistem kosa kata, sistem tatabahasa mahupun sistem pragmatik. Ciri-ciri tersirat dalam unsur budaya ini menyebabkan kewujudan unsur budaya adalah kurang jelas dan keadaan ini memerlukan guru bahasa mendedahkannya dari aspek struktur bahasa, semantik dan pragmatik berlandaskan bahan pengajaran PBCBK yang disunting dan digunakan dalam proses pengajaran bahasa.

Seperti yang diterangkan di atas, unsur-unsur budaya dapat dikatakan wujud hanya ketika pengetahuan latar belakang budaya diterapkan ke dalam komunikasi bahasa sehingga mempengaruhi kelancaran dan keberkesanan komunikasi. Unsur-unsur budaya dalam PBCBK adalah tersembunyi dan tersirat dalam sistem struktur bahasa dan ekspresi bahasa yang tidak diketahui oleh orang asing dan dipelajari tanpa kesedaran oleh kumpulan etnik bahasa ibunda sendiri sehingga seringkali menimbulkan konflik budaya dan halangan komunikatif (Zhang, 1990; Chen, 1992; Liu, 2014). Oleh itu, unsur-unsur budaya dalam PBCBK seharusnya dilampirkan dan diterapkan dalam bidang pengajaran bahasa dan bukannya dikategorikan sebagai ilmu budaya secara umum.

Zhu (2004) dari *Fujian Normal University* telah menyokong pandangan Lin (1996) bahawa budaya dalam PBCBK merupakan satu konsep dalam konteks pengajaran bahasa. Dalam tesis sarjana beliau, Zhu menyatakan bahawa unsur-unsur budaya ini merujuk kepada “budaya” yang timbul apabila orang asing belajar dan memahami bahasa Cina serta menggunakan bahasa yang dipelajari ini untuk berkomunikasi dengan orang Cina di China dan “budaya” ini merupakan salah satu elemen yang penting dalam bahasa dan seharusnya dikuasai oleh pelajar melalui pengajaran bahasa.

Namun begitu, Zhu (2015) pula telah mendefinisikan unsur-unsur budaya ini sebagai kosa kata budaya dalam definisi yang sempit. Menurut Zhu, kosa kata budaya merupakan maklumat budaya yang secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan kata-kata tertentu yang mengandungi makna lain, metafora, asosiatif, simbolik, perasaan dan emosi, gaya dan maksud unik yang ditakrifkan oleh masyarakat dan tidak boleh diterjemahkan secara literal mahupun tidak dapat menjumpai perkataan yang lebih kurang sama erti dalam bahasa asing (Zhu, 2015, p.12).

Walau bagaimanapun, memang sangat sukar untuk menetapkan status unsur-unsur budaya dalam PBCBK. Penyelidik berusaha untuk menyimpulkan pandangan para pakar PBCBK supaya selaras dengan

objektif dan arah penyelidikan ini dengan mencakupi pendapat Zhang (1990) untuk mengklasifikasikan unsur-unsur budaya kepada unsur-unsur budaya pengetahuan dan unsur-unsur budaya komunikatif.

Unsur-unsur budaya dalam kajian ini berkait rapat dengan pemahaman dan penggunaan bahasa sasaran, iaitu bahasa Cina yang digunakan secara umum di Malaysia, terutama kandungan kebudayaan tertentu yang merangkumi nilai kebangsaan, konotasi budaya, standard betul dan salah, makanan dan pakaian, adat istiadat, nilai estetik, nilai moral dan etika, gaya hidup dan cara berfikir yang dapat dicerminkan melalui elemen yang tersembunyi dan tersirat dalam sistem struktur dan penampilan bahasa sasaran ini. Secara lebih khususnya, unsur-unsur budaya sedemikian ditampilkan melalui sistem perbandaharaan kata, sistem semantik, sistem tatabahasa mahupun sistem pragmatik dalam PBCBK.

## **Metodologi Kajian**

Menerusi kaedah kajian kepustakaan dan kaedah teknologi maklumat, pengkaji berusaha untuk mencari dan mengumpul maklumat berbentuk teks atau tulisan daripada buku-buku akademik, kertas kerja, jurnal, artikel, kajian latihan ilmiah, disertasi dan tesis yang berhubung kait dengan tajuk kajian ini.

Pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif untuk menganalisis data-data yang dikumpulkan dalam kajian ini.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan aturcara *Microsoft Excel* sebagai kaedah statistikal (Chua, 2014) untuk menganalisis data-data yang dapat dikumpul melalui penyelidikan ini manakala kaedah perbandingan (*comparative method*) juga digunakan untuk membandingkan hasil analisis unsur budaya dalam buku-buku teks BCSK KBSR dan buku-buku teks BCSK KSSR tahap tinggi secara kritikal, iaitu secara mendatar dan secara menegak untuk mencapai objektif kajian.

## **Kaedah Penghitungan Unsur Budaya**

Analisis yang dilakukan dalam kajian ini telah mengumpul dan merujuk kepada pendapat dan pandangan Zhang (1990), Zhao (1989), Wei & Bian (1992), Meng (1992), Hu (1993), Lin (1997), Zhu (2004), Lu (2005), Li (2006), Bi (2009), Zhou (2009), Yi (2012), Liu (2014) dan Ning (2016) tentang klasifikasi unsur-unsur budaya dalam PBCBK. Disebabkan kajian ini mengkaji bahan pengajaran sekolah rendah di Malaysia, maka negara bahasa sasaran dalam kajian ini merujuk kepada persekitaran Malaysia dan skop yang dikaji hanya tertumpu pada aspek bahasa dalam buku teks.

Dalam bahagian ini, penyelidik telah menggunakan analisis kuantitatif untuk menghitung dan menganalisis unsur-unsur budaya dalam dua set buku teks BCSK tahap tinggi yang dikaji. Unsur-unsur budaya yang diklasifikasikan dalam kajian ini dibahagikan kepada dua kategori secara umum, iaitu unsur-unsur budaya pengetahuan dan unsur-unsur budaya komunikatif. Subkategori kepada unsur-unsur budaya pengetahuan berdasarkan pandangan Zhang (1990) dan Lu (2005) telah dibahagikan kepada

**Kajian Unsur Budaya dalam Buku-Buku Teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Tahap Tinggi**

sembilan kategori utama, iaitu kategori gaya hidup, kategori adat resam, kategori struktur sosial, kategori pendidikan, kategori konsep waktu, kategori konsep ruang, kategori konsep nilai, kategori konsep simbolik dan kategori kesihatan. Kategori-kategori tersebut kemudian dibahagikan lagi kepada 42 subkategori.

Antara subkategori tersebut merangkumi subkategori makanan dan minuman, subkategori pakaian, subkategori kediaman, subkategori pengangkutan, subkategori hiburan dan rekreasi, subkategori gaya hidup lain-lain, subkategori upacara dan adat istiadat, subkategori politik, subkategori ekonomi, subkategori kemanusiaan, subkategori teknologi, subkategori etnik, subkategori agama, subkategori institusi, subkategori bahasa, subkategori kesusasteraan, subkategori seni, subkategori sekolah, subkategori peribahasa, subkategori sistem, subkategori bahan terbitan, subkategori urutan masa, subkategori perkembangan sejarah, subkategori sistem kalendar Cina, subkategori konsep masa, subkategori geografi, subkategori negeri, bandar dan kawasan, subkategori pergunungan, sungai, dan perairan, subkategori tempat bersejarah dan tempat terkenal, subkategori cuaca, subkategori perkara yang khas, subkategori ilmu pemikiran, subkategori konsep perkahwinan, subkategori konsep didikan, subkategori konsep wang, subkategori konsep lain dalam kategori konsep nilai, subkategori angka, subkategori warna, benda dan hal-hal lain dalam kategori konsep simbolik, subkategori kesihatan dan subkategori perubatan secara terperinci.

Pembahagian unsur-unsur budaya komunikatif pula dilakukan dengan merujuk kepada pendapat dan kategori yang dikemukakan oleh Liu (2014, p.136-139). Menurut Liu (2014, p.136-139), terdapat 7 subkategori, iaitu gelaran, kata-kata salam dan kata-kata selamat tinggal, kata-kata terima kasih dan memohon maaf, kata-kata penghormatan dan merendah diri, kata-kata pujian dan menolak secara bersopan, kata-kata menjemput dan memberikan hadiah, kata-kata peribadi dan pandang larang. Penyelidik telah menambah satu kategori, iaitu kata-kata tahniah (Zhou 2009, p.22) dalam kajian ini berlandaskan kandungan kurikulum BCSK.

Selain itu, penyelidik juga mempertimbangkan keadaan PBCBK yang sebenar di sekolah kebangsaan, terutama berkaitan dengan budaya bahasa pertama dan budaya bahasa kedua<sup>9</sup> yang dimaksudkan dalam kajian ini serta tujuan isi kandungan buku-buku teks BCSK tahap tinggi yang disunting. Oleh itu, unsur-unsur budaya komunikatif akhirnya dibahagikan kepada lapan subkategori secara khusus, iaitu gelaran, kata-kata salam dan kata-kata selamat tinggal, kata-kata terima kasih dan memohon maaf, kata-kata penghormatan dan merendah diri, kata-kata pujian dan menolak secara bersopan, kata-kata menjemput dan memberikan hadiah, kata-kata peribadi dan pantang larang serta kata-kata tahniah.

Analisis dalam kajian ini menggunakan kaedah statistik untuk menghitung bilangan, kekerapan dan skop unsur-unsur budaya yang muncul dalam buku-buku teks BCSK. Analisis dibuat secara objektif yang mungkin demi menyerlahkan ciri-ciri unsur budaya yang dapat diperhatikan dalam bahan pengajaran PBCBK ini sebaik mungkin. Namun begitu, disebabkan sebarang pengelasan mempunyai ciri-ciri persamaan, perbezaan, keserasian mahupun kerelatifan masing-masing, justeru faktor persekitaran baha-

sa dan keadaan pelbagai budaya di Malaysia juga dijadikan sebagai salah satu kriteria yang dipertimbangkan agar unsur budaya dalam bahan pengajaran PBCBK ini dapat dilihat dengan lebih objektif, lebih menyeluruh dan lebih tepat.

Seperti mana yang diterangkan, kebanyakan isi kandungan unsur budaya adalah abstrak dan mencerminkan nilai, piawaian betul atau salah, adat sosial, keadaan psikologi dan cara pemikiran orang Cina yang tersirat dalam bahasa Cina (Zhao, 1989; Lv, 2006; Liu, 2014) melalui bahan pengajaran PBCBK, maka unsur-unsur budaya yang abstrak ini bukan sahaja meningkatkan kesukaran dalam penghitungan bilangan unsur-unsur budaya tetapi juga menimbulkan kesukaran untuk mengukur dan mengkategorikan unsur-unsur budaya secara sistematis (Yi, 2012, p.8). Oleh yang demikian, yang amat perlu dijelaskan lagi dalam kajian ini ialah bagi unsur-unsur budaya yang sama, jika kewujudannya diulang banyak kali dalam bab yang sama akan dikira sekali sahaja, seperti *dui bu qi* 对不起 (minta maaf), bilangan kemunculannya (Chu & Woon, 2014, p.11-17) merangkumi tajuk dalam bab, teks dalam bab dan latihan dalam bab telah mencapai kekerapan sebanyak tujuh kali tetapi unsur budaya tersebut hanya dikira sekali dan bilangan kumulatifnya akan diambil kira dengan kewujudannya dalam bab yang lain.

Penyelidik telah menghitung unsur-unsur budaya yang muncul dalam tiga bahagian yang utama dalam buku teks yang dikaji, iaitu tajuk, teks dan latihan dalam setiap bab. Unsur-unsur budaya yang dikira tertakluk kepada aksara Cina, perkataan atau kosa kata, ayat pendek mahupun ayat yang muncul dalam isi kandungan teks tersebut. Misalnya unsur budaya “Bukit Bendera 升旗山” bukan sahaja boleh dihitung sebagai subkategori negeri, bandar ataupun kawasan dalam kategori konsep ruang dengan merujuk kepada maksud asalnya tetapi unsur budaya ini juga boleh dikategorikan sebagai subkategori tempat bersejarah atau tempat terkenal. Penyelidik telah mengkategorikan unsur budaya ini sebagai subkategori tempat bersejarah atau tempat terkenal berdasarkan isi kandungan teks dalam buku teks tersebut.

Begitu juga dengan unsur budaya “*Lee Chong Wei* 李宗伟”. Walaupun unsur budaya tersebut pada hakikatnya boleh dikategorikan sebagai unsur budaya komunikatif dalam subkategori gelaran yang melambangkan nama orang Cina (nama keluarga + nama gelaran), tetapi disebabkan oleh isi kandungan bertemakan kebudayaan dan penggunaan kosa kata ini dalam isi kandungan teks lebih menjurus kepada penggunaan semantik, iaitu merujuk kepada “atlet dalam bidang badminton terkenal di Malaysia”, justeru unsur budaya ini lebih sesuai dikategorikan sebagai unsur budaya pengetahuan. Contoh lain seperti: “bunga raya 大红花”, iaitu bunga melambangkan Malaysia yang sepatutnya dikategorikan sebagai kategori konsep simbolik, namun didapati unsur budaya ini harus dimasukkan ke dalam kategori konsep nilai kerana kewujudannya dalam bentuk tema lagu patriotik telah membawa nilai patriotisme dalam isi kandungan buku teks BCSK yang dikaji ini. Sebaliknya, kosa kata budaya seperti “*bai nian hao he* 百年好合 (maksudnya hubungan suami dan isteri baik selama-lamanya)” bukan sahaja boleh dikategorikan

### Kajian Unsur Budaya dalam Buku-Buku Teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Tahap Tinggi

sebagai kata tahniah, iaitu unsur budaya komunikatif berdasarkan penggunaannya secara umum tetapi juga lebih bersifat sebagai peribahasa dalam isi kandungan teks yang disunting dalam buku teks BCSK yang dikaji ini. Dengan mempertimbangkan maksud sebenar yang cuba disampaikan dalam teks, maka akhirnya kosa kata ini dikategorikan sebagai subkategori peribahasa.

Di samping itu, penampilan unsur budaya yang wujud dalam bentuk teks asal (terutama dalam bentuk ayat) yang terdapat dalam buku-buku teks BCSK tahap tinggi akan dianalisis dan unsur-unsur budaya tersebut akan dikategorikan berdasarkan konteks yang sesuai seperti “sebagai tanda usia telah bertambah satu tahun setelah makan *tangyuan* 吃了汤圆就代表长一岁了”, “makan buah limau melambangkan nasib baik ketika menyambut Tahun Baru Cina dalam masyarakat Cina 在华人社会里，新年吃柑象征吉祥”, “kita seharusnya senyap ketika umat Islam bersembahyang 回教徒在祈祷时，我们应该保持肃静” dan sebagainya. Hal yang perlu diperjelaskan di sini ialah unsur-unsur budaya yang muncul dalam bentuk ayat akan diambil kira maksud keseluruhan ayat yang mempunyai kandungan kebudayaan yang tersirat itu.

Tambahan lagi, bagi unsur budaya yang kelam-kabur sifat memang sukar untuk mengenal pasti sifat dan kategorinya, misalnya unsur budaya yang seolah-olah berbeza tetapi sebenarnya merupakan unsur budaya dalam kategori yang sama, maka unsur budaya sebegini akan diambil kira sebagai unsur budaya dalam kategori yang sama, antaranya termasuklah gelaran sosial seperti *Lin shu shu* 林叔叔 (nama keluarga + gelaran) dan *Zhang Liming lao shi* 张立明老师 (Cikgu *Zhang Liming* (nama keluarga + nama + gelaran pekerjaan) ) dan sebagainya. Subkategori yang melibatkan gelaran cantuman generasi seperti gelaran terhadap generasi lebih tua, gelaran terhadap generasi lebih muda mahupun generasi yang melibatkan gelaran tanpa mengira kelahiran status senior atau junior, termasuklah generasi watak yang terdapat dalam teks yang dikaji, bahkan nama akhir ataupun status pekerjaan dan sebagainya, semua yang dinyatakan ini akan diambil kira sebagai unsur budaya komunikatif dalam subkategori gelaran.

Penyelidik telah membina satu pangkalan data dalam bentuk jadual sebagai instrumen dengan merujuk kepada pandangan pakar-pakar dalam bidang ini (Liew, 2007; Luo, 2010; Lin, 2011; Yi, 2012; Li, 2014; Ning, 2016). Instrumen ini dibentuk supaya unsur budaya dalam buku-buku teks BCSK tahap tinggi ini dapat dihitung dengan lebih sistematik dan lebih teratur. Langkah sedemikian juga membolehkan penyelidik memerhatikan kewujudan dan taburan unsur-unsur budaya secara khusus serta seterusnya mengenal pasti masalah yang timbul dalam kewujudan unsur budaya yang dapat dihitung tersebut.

### Dapatan Kajian

Berdasarkan Jadual 1 seperti ditunjukkan di bawah, didapati jumlah bilangan unsur-unsur budaya dalam set buku teks BCSK KBSR tahap tinggi adalah sebanyak 522 manakala jumlah bilangan unsur-

unsur budaya dalam set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi telah meningkat 19.16% sehingga mencatat bilangan sebanyak 622 memandangkan unsur budaya kian memainkan peranan penting dalam PBCBK.

### **Jadual 1**

#### **Penghitungan Unsur-unsur Budaya dalam Dua Set Buku Teks BCSK Secara Keseluruhan**

Tahun	Unsur-unsur Budaya Pengetahuan				Unsur-unsur Budaya Komunikatif			
	KBSR		KSSR		KBSR		KSSR	
	Bilan	Pera-	Bilan	Pera-	Bilan	Pera-	Bilan	Pera-
	gan	tusan	gan	tusan	gan	tusan	gan	tusan
	(%)		(%)		(%)		(%)	
Tahun Empat	66	55	77	44.25	54	45	97	55.75
Tahun Lima	66	50.77	157	60.62	64	49.23	102	39.38
Tahun Enam	185	68.01	100	52.91	87	31.99	89	47.09
Jumlah	317		334		205		288	
h								

Unsur-unsur budaya pengetahuan yang wujud dalam set buku teks BCSK KBSR tahap tinggi adalah sebanyak 317 berbanding dengan 334 dalam set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi, iaitu telah bertambah dengan peratusan 5.36% secara keseluruhan. Unsur-unsur budaya pengetahuan dalam buku teks BCSK KBSR tahun empat muncul dengan bilangan sebanyak 66 atau 55% daripada jumlah unsur-unsur budaya pada tahap pembelajaran ini dan berkurang amat ketara dengan mencatat 44.25% dalam buku teks BCSK KSSR tahun empat, iaitu berkurang 10.75% disebabkan oleh pengubahsuaian kurikulum BCSK KSSR yang turut membawa perubahan kepada isi kandungan set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi ini.

Bilangan unsur-unsur budaya pengetahuan dalam buku teks BCSK KBSR tahun lima muncul dengan bilangan yang sama, iaitu 66 atau 50.77% daripada jumlah unsur-unsur budaya pada tahap pembelajaran ini dan meningkat sebanyak 9.85% kepada 60.62% dengan bilangannya mencatat sebanyak 157 dalam buku teks BCSK KSSR tahun lima. Kemunculan unsur budaya kategori adat resam dan subkategori peribahasa yang agak banyak telah menyebabkan peningkatan ini. Unsur-unsur budaya pengetahuan dalam buku teks BCSK KBSR tahun enam pula adalah sebanyak 185 atau 68.01% tetapi

**Kajian Unsur Budaya dalam Buku-Buku Teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Tahap Tinggi**

didapati telah berkurang menjadi 100 atau 52.91%, iaitu penurunan 15.10% kerana pengurangan banyak unsur budaya dalam subkategori agama dan kategori konsep ruang.

Dalam kategori unsur-unsur budaya komunikatif pula, jumlah bilangan unsur-unsur budaya tersebut yang wujud dalam set buku teks BCSK KBSR tahap tinggi mencatat sebanyak 205 berbanding dengan 288 dalam set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi dengan pertambahan sebanyak 40.49% ekoran kepentingan unsur-unsur budaya dalam pemupukan kompetensi komunikatif semakin dipandang berat dan diberi penekanan.(Lv, 2007; Dai & Zhang, 2000; Liu, 2014). Unsur-unsur budaya komunikatif dalam buku teks BCSK KBSR tahun empat hanya wujud dengan bilangan 54 atau 45% dan meningkat ke 55.75%, yakni peningkatan sebanyak 10.75%. Namun begitu, unsur-unsur budaya komunikatif dalam buku teks BCSK KBSR tahun lima pula didapati mencatat 49.23% dan menurun ke 39.38%, iaitu pengurangan 9.85%. Ini mungkin kerana unsur-unsur budaya pengetahuan lebih dititikberatkan dalam tahap pembelajaran ini. Bilangan unsur-unsur budaya komunikatif dalam buku teks BCSK KBSR tahun enam pula mencatat peratusan 31.99% dan didapati peratusan meningkat ke 47.09% dengan peningkatan sebanyak 15.10% . Peningkatan ini berlaku kerana penambahan unsur-unsur budaya komunikatif dalam subkategori gelaran yang telah mencatat sebanyak 36.51% daripada jumlah unsur-unsur budaya pada tahap pembelajaran ini.

Sekiranya membandingkan peratusan unsur-unsur budaya pengetahuan dengan peratusan unsur-unsur budaya komunikatif setiap tahap pembelajaran, didapati peratusan unsur-unsur budaya pengetahuan adalah melebihi peratusan unsur-unsur budaya komunikatif dalam lima buah buku teks BCSK tahap tinggi yang dikaji, iaitu peratusan unsur-unsur budaya pengetahuan dalam buku teks BCSK KBSR tahun empat mencatat 55% sedangkan peratusan unsur-unsur budaya komunikatif mencatat 45% (perbezaan 10%), peratusan unsur-unsur budaya pengetahuan dalam buku teks BCSK KBSR tahun lima mencatat 50.77% dan peratusan unsur-unsur budaya komunikatif mencatat 49.23% (perbezaan 1.54%), peratusan unsur-unsur budaya pengetahuan dalam buku teks BCSK KBSR tahun enam mencatat 68.01% manakala peratusan unsur-unsur budaya komunikatif mencatat 31.99% (perbezaan 36.02%), buku teks BCSK KSSR tahun lima mencatat peratusan unsur-unsur budaya pengetahuan sebanyak 60.62% manakala peratusan unsur-unsur budaya komunikatif mencatat 39.38% (perbezaan 21.24%) dan peratusan unsur-unsur budaya pengetahuan dalam buku teks BCSK KSSR tahun enam ialah 52.91% sedangkan peratusan unsur-unsur budaya komunikatif mencatat 47.09% (perbezaan hanya 5.82%).


Oleh yang demikian, kelima-lima buah buku teks BCSK ini didapati masih kurang ideal dijadikan sebagai bahan pengajaran PBCBK untuk memupuk kompetensi komunikatif dalam kalangan murid-murid BCSK di sekolah kebangsaan secara teoretikal memandangkan bilangan unsur-unsur budaya pengetahuan yang muncul adalah lebih banyak terutama buku teks BCSK KBSR tahun enam kerana unsur-unsur budaya pengetahuan berkaitan dengan agama, peribahasa dan konsep ruang begitu banyak. Hanya buku teks BCSK KSSR tahun empat menunjukkan peratusan unsur-unsur budaya komunikatif melebihi peratusan unsur-unsur budaya pengetahuan, yakni unsur-unsur budaya komunikatif mencatat

55.75% dan peratusan unsur-unsur budaya pengetahuan mencatat 44.25%. Ini adalah kerana unsur-unsur budaya komunikatif dalam subkategori gelaran mencatat sebanyak 36% daripada keseluruhan unsur-unsur budaya yang terdapat pada tahap pembelajaran ini. Hasil kajian ini telah memberikan implikasi bahawa penyunting buku teks telah mengabaikan unsur budaya komunikatif yang memainkan peranan yang semakin penting dalam PBCBK jika dibandingkan dengan unsur budaya pengetahuan secara keseluruhan dalam proses PBCBK yang dilakukan.

Bagaimanapun, jika dilihat secara keseluruhan, jumlah bilangan unsur budaya komunikatif adalah lebih banyak dalam set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi dengan bilangan sebanyak 288 berbanding dengan jumlah bilangan unsur budaya komunikatif yang sebanyak 205 dalam set buku teks BCSK KBSR, iaitu meningkat sebanyak 40.49%. Keadaan tersebut telah membuktikan bahawa set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi adalah lebih sesuai untuk memupuk kompetensi komunikatif dalam kalangan murid-murid BCSK yang serasi dengan kurikulum standard BCSK KSSR seperti yang ditetapkan.

**Rajah 2**

**Perbandingan Unsur-unsur Budaya Pengetahuan dalam Dua Set Buku Teks BCSK Tahap Tinggi**




Berdasarkan Rajah 2 di atas, jumlah bilangan unsur-unsur budaya pengetahuan dalam dua set buku teks BCSK tahap tinggi yang dapat dihitung adalah sebanyak 651, iaitu terdapat 317 dalam set buku teks BCSK KBSR tahap tinggi dan bilangan ini didapati bertambah dengan kadar 5.36% menjadi 334 dalam set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi. Hal ini demikian kerana unsur-unsur budaya pengetahuan dalam kate-

**Kajian Unsur Budaya dalam Buku-Buku Teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Tahap Tinggi**

gori konsep pendidikan telah bertambah dengan ketara yang lebih menitikberatkan budaya Tionghua dalam subkategori peribahasa.

Kategori pendidikan mengalami pertambahan amat ketara sekali, iaitu daripada 88 menjadi 174 dengan kadar peningkatan 97.73% memandangkan pertambahan unsur-unsur budaya pengetahuan dalam subkategori peribahasa lebih daripada 85% demi menarik minat murid-murid untuk menikmati keindahan budaya Tionghua dalam bahasa Cina dan ini diikuti dengan kategori gaya hidup bertambah daripada lapan menjadi 27, kategori konsep nilai bertambah daripada lima menjadi enam dan kategori kesihatan bertambah satu sahaja, jika membandingkan dua set buku teks BCSK tahap tinggi yang dikaji.

Sebaliknya, jumlah bilangan unsur budaya pengetahuan dalam kategori struktur sosial berkurang amat ketara sekali, iaitu daripada 62 menjadi 25 sahaja, penurunan hampir 59.68%. Pengurangan ini berlaku terutamanya dalam subkategori agama, iaitu daripada 43 berkurang menjadi lapan sahaja dengan isi kandungan bertemakan kebudayaan yang berkaitan telah dikurangkan. Peratusan kemerosotan subkategori ini mencapai 81.40%. Pada masa yang sama, konsep ruang berkurang dari apda 90 menjadi 49, iaitu merosot sebanyak 45.15% kerana unsur-unsur budaya pengetahuan dalam subkategori negeri, bandar, kawasan merosot 23.81% dan subkategori tempat bersejarah mahupun tempat terkenal telah merosot sebanyak 68.88% sekiranya membandingkan set buku teks BCSK KBSR tahap tinggi dengan set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi.

**Rajah 3*****Perbandingan Jumlah Bilangan Unsur-unsur Budaya Komunikatif dalam Dua Set Buku Teks BCSK Tahap Tinggi***

Berdasarkan Rajah 3 di atas, jumlah bilangan unsur-unsur budaya komunikatif yang dapat dihitung dalam dua set buku teks BCSK tahap tinggi mencatat sebanyak 493, iaitu jumlah bilangan unsur-unsur budaya komunikatif dalam set buku teks BCSK KBSR tahap tinggi adalah 205 dan meningkat sebanyak 40.49% menjadi 288 dalam set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi pada keseluruhannya. Keadaan ini telah menunjukkan bahawa lebih banyak unsur budaya komunikatif dalam set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi dan penyuntingan buku teks ini jelas lebih sesuai untuk memupuk kompetensi komunikatif dalam kalangan murid-murid yang belajar bahasa Cina sebagai bahasa kedua (Meng, 1992).

Peratusan peningkatan dalam subkategori kata-kata tahniah adalah amat ketara sekali, iaitu bilangan daripada dua menjadi tujuh, ini diikuti dengan subkategori gelaran daripada 134 menjadi 186 dengan peningkatan sebanyak 38.81%, kata-kata terima kasih dan memohon maaf meningkat daripada 22 menjadi 33 dan mencatat peratusan peningkatan 50%, subkategori kata-kata menjemput dan memberikan hadiah meningkat daripada tiga menjadi lima manakala subkategori kata-kata salam dan selamat tinggal telah meningkat daripada lapan menjadi 17. Bagi subkategori kata-kata penghormatan dan merendah diri pula dengan jumlah bilangan sebanyak 35 dalam set buku teks BCSK KBSR tahap tinggi telah meningkat menjadi 40 dalam set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi, iaitu dengan peratusan peningkatan mencapai 14.29%. Subkategori kata-kata pujian dan menolak secara bersopan kekal tiada dalam kedua-dua set buku teks BCSK pada tahap pembelajaran ini.

Namun begitu, kata-kata peribadi dan pantang larang yang wujud satu kali dalam BCSK KBSR telah diabaikan atau tidak wujud lagi dalam set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi.

## Kesimpulan Dan Implikasi

Terdapat jumlah bilangan sebanyak 1144 unsur-unsur budaya yang dikenal pasti dalam dua set buku teks BCSK tahap tinggi yang dikaji ini, iaitu jumlah bilangan 522 dalam set buku teks BCSK KBSR dan 622 dalam set buku teks BCSK KSSR atau dengan peningkatan sebanyak 18.99%. Penghitungan ini diambil kira 90 pelajaran dalam set buku teks BCSK KBSR tahap tinggi dan 44 unit dalam set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi dan dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa unsur-unsur budaya komunikatif adalah lebih banyak dalam set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi.

Sebanyak 334 atau 53.70% unsur-unsur budaya pengetahuan yang muncul dalam set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi adalah lebih menyeluruh jika dibandingkan dengan unsur-unsur budaya pengetahuan dalam set buku teks BCSK KBSR tahap tinggi kerana semua unsur budaya pengetahuan dalam kategori utama yang disenaraikan tidak ketinggalan dan pertambahannya mengikut kesesuaian pemupukan kompetensi komunikatif dalam kalangan murid-murid yang belajar bahasa kedua. Namun begitu, 288 atau 46.30% unsur-unsur budaya komunikatif yang wujud dalam set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi adalah kurang sistematik dan tidak mencapai keseimbangan kerana terdapat unsur-

**Kajian Unsur Budaya dalam Buku-Buku Teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Tahap Tinggi**

unsur budaya yang terlalu banyak seperti gelaran dan ada pula telah diabaikan seperti kata-kata pujian dan menolak secara bersopan yang berkaitan dengan budaya Tionghua.

Unsur-unsur budaya dalam PBCBK didapati wujud dalam pelbagai bentuk dan beraneka jenis dalam set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi. Dapatkan kajian ini telah menunjukkan bahawa buku-buku teks BCSK tahap tinggi yang dikaji ini telah muncul unsur-unsur budaya tempatan yang pelbagai yang tidak terdapat dalam buku teks PBCBK di Tanah Besar China. Kemunculan unsur-unsur budaya tempatan ini dalam buku teks BCSK tahap tinggi sebenarnya berkait rapat dengan isi kandungan bermakna kebudayaan tempatan yang disunting dalam buku teks BCSK tahap tinggi yang dikaji ini.

Melalui hasil kajian ini, amat diharapkan dapat benar-benar menimbulkan kesedaran merentas budaya dalam kalangan penulis dan penyunting buku teks BCSK. Ini akan membantu penulis dan penyunting buku teks BCSK mengintegrasikan bahasa dan budaya komunikatif dengan lebih sempurna dalam buku-buku teks PBCBK. Dengan ini penyuntingan unsur-unsur budaya dalam buku teks PBCBK ini akan lebih ideal dan sistematik supaya pengajaran dan pembelajaran kebudayaan dalam PBCBK dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan demi melahirkan murid-murid yang mahir menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa kedua pada masa depan. Pada hakikatnya, PBCBK ini amat perlu diperaktikkan dengan lebih memberi fokus kepada pengajaran kebudayaan yang lebih mementingkan ciri-ciri merentas budaya. Dengan sedemikian, PBCBK yang dilaksanakan barulah membolehkan murid-murid menukar pengetahuan budaya yang dikuasai kepada kompetensi komunikatif dan keadaan ini seharusnya dijadikan sebagai inspirasi penting dengan melibatkan unsur-unsur budaya dalam proses pengajaran bahasa kedua. Penyediaan buku teks PBCBK dan strategi pengajaran PBCBK pula amat perlu dibuktikan dengan amalan bilik darjah dan aktiviti pengajaran bahasa yang dijalankan di dalam bilik kelas BCSK dengan lebih lanjut dan unsur-unsur budaya pula juga melibatkan unsur-unsur budaya bukan bahasa, antaranya termasuk isyarat, bahasa tubuh badan dan sebagainya dalam komunikasi yang sebenarnya berlaku dalam kehidupan kita. Justeru, pengkajian memperdalam penyelidikan buku teks sebagai bahan pengajaran PBCBK dalam bidang ini boleh dilakukan pada masa depan.

**Nota**

1. Kelas Bahasa Cina yang ditawarkan pada tahap ini hanya untuk murid-murid berbangsa Cina yang ingin belajar bahasa Cina sebagai bahasa ibunda.
2. Zheng (2008) berpendapat bahawa kelas POL ini sebenarnya telah diadakan di sekolah kebangsaan sejak kemerdekaan Malaysia manakala Teo (2013) pula berpendapat bahawa kelas POL ini merupakan kelas bahasa ibunda untuk pelajar pelbagai bangsa di Malaysia sejak pemerintahan British. Selama tempoh pemerintahan British sebelum kemerdekaan negara kita, banyak sekolah rendah aliran bahasa Inggeris telah membuka kelas Bahasa Cina dan Bahasa Tamil untuk pelajar Cina dan pelajar India. Tradisi ini diteruskan dan masih terdapat sekolah kebangsaan meneruskan kelas POL dalam tempoh kajian Teo.
3. Sekolah kebangsaan yang dimaksudkan di sini ialah sekolah rendah yang beraliran bahasa Inggeris.
4. Bermula dari tahun 1996, kelas Bahasa Cina di sekolah kebangsaan bukan lagi wujud dalam bentuk “kelas bahasa ibunda” tetapi berubah kepada “kelas bahasa tambahan”.

5. Pada permulaannya, mata pelajaran BCSK diajar mengikut tiga jenis model: model pertama, 5 waktu bahasa Cina dalam seminggu; model kedua, 12 waktu bahasa Cina dalam seminggu dan model ketiga pula 5 waktu bahasa Cina dijalankan pada hari Sabtu. Ini merupakan rintis bagi pelaksanaan BCSK di sekolah kebangsaan pada tahap awal pelaksanaan. Tempoh masa rintis BCSK berlaku pada tahun 2007 dan 2008 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Rintis BCSK melibatkan sebanyak 150 buah sekolah kebangsaan yang mempunyai kaum yang berbeza pada peringkat awal.
6. Bahasa sasaran 目的语 (*target language*) merupakan bahasa yang ingin dipelajari dan dikuasai oleh seseorang. Tanpa mengira sama ada bahasa asing ataupun bahasa bukan bahasa ibunda, mahupun bahasa bagi penutur bukan natif berbahasa Cina, bahasa yang menjadi sebagai sasaran untuk dipelajari dan berhasrat untuk dikuasai boleh ditakrifkan sebagai bahasa sasaran (Liu, 2014). Disebabkan bahasa Cina dalam kajian ini merujuk kepada bahasa Cina Malaysia, maka negara bahasa sasaran 目的语国家 ialah Malaysia.
7. Gambar rajah ini dirujuk dan diadaptasi daripada kajian Wu (2013) yang menjelaskan unsur-unsur budaya dalam hubungan budaya dengan bahasa (p.8).
8. Artikel yang bertajuk “*Talking about Factors Culture of Communicative* 交际文化说琐谈” ini disunting dalam buku Zhou (2009, p.103-120).
9. Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar di sekolah kebangsaan dan dilihat sebagai bahasa pertama dalam kajian ini manakala bahasa Cina ditakrifkan sebagai bahasa kedua dalam kajian ini.

## Rujukan

- Bi J.W. & Zhang D. X .(1994). Duiwai Hanyu jiaoxue zhong yuyan wenhua yanjiu de wenti 对外汉语教学中语言文化研究的问题 (On the Study of Language and Culture in Teaching Chinese as a Foreign Language. *Applied Linguistics*, 2, 40-46.
- Bi J.W. (2015). Kua wenhua jiaoji yu di-er yuyan jiaoxue 跨文化交际与第二语言教学(Intercultural Communication and Second Language Teaching). Beijing Language and Culture University Pess.
- Brown, H. D. (2000). *Principles language learning and teaching*. USA: San Francisco State University.
- Byram, M. (1989). *Cultural studies in foreign language education*. UK: Multilingual Matters.
- Byram, M. 1993. Language and culture learning: The need for integration. In Byram. M. (Eds.), *Germany, its representation in textbooks for teaching German in Great Britain*. Frankfurt : Verlag Moritz Diesterweg, 3-16.
- Byram, M. 1998. Foreign language education and cultural studies. *Language, Culture and Curriculum*, 1(1), 15-31.
- Byram, M., Gribkova, B. & Starkey, H. 2002. *Developing the intercultural dimension in language teaching: A practical introduction for teachers*. Strasbourg: Council of Europe.
- Chen G.L.
- Chen G.L.(1992).Yuyan jiaoxue zhong de wenhua daoru 语言教学中的文化导入(Cultural Introduction in Language Teaching). *Language Teaching and Linguistic Studies*, 3, 24-28.
- Chen G.L.(1992a). Guanyu duiwai Hanyu ke zhong de wenhua jiaoxue wenti 关于对外汉语课中的文化教学问题(Cultural Teaching on the Teaching of Chinese Language as a Foreign Language). Ap-

Chu W. C. & Woon C. N. (2014). Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Buku Teks Tahun Lima 小学标准课程五年级国小华语课本. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chua Y. P. (2014). *Kaedah penyelidikan* (Buku 1) (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.

Cui X.C. (2016). Lun duiwai Hanyu zonghe ke wenhua yinsu jiaoxue 论对外汉语综合课文化因素教学 (On the Teaching of Cultural Factors in Comprehensive Chinese as a Foreign Language). Master thesis of Shanghai International Studies University.

Dai W.D. & Zhang H.L. (2000). Waiyu jiaoji zhong de wenhua qianxi ji qi dui waiyu jiaogai de qishi 外语交际中的文化迁移及其对外语教改的启示 (Cultural Transfer in Foreign Language Communication and Its Implications for Foreign Language Reform). Foreign Language World, 2, 2-8.

Dong, S.R. (1995). Ye tan duiwai Hanyu jiaoxue zhong de wenhua jiaoxue ——jian ji “Shuo Hanyu Tan Wenhua” 也谈对外汉语教学中的文化教学——兼及《说汉语谈文化》(Talk About Cultural Teaching on the Teaching Chinese as Foreign Language and Chinese Culture ). Chinese Teaching in the World, 2, 50-52.

Du D.M. (Eds.). (2008). Hanyu zuowei di-er yuyan jiaoxue wenhua gaishuo 汉语作为第二语言教学文化概说 (Culture Overview for Teaching Chinese as a Second Language). Peking University Press.

Hao L.X. (Eds.). (2016). Zhongguo chuantong wenhua 中国传统文化 (Chinese Traditional Culture). Tsinghua University Press.

He Y. (2008). Hanyu xuexi dongji de jifa he Hanyu guoji chuanbo 汉语学习动机的激发和汉语国际传播 (The Motivation of Chinese Learning Motivation and the International Spread of Chinese language) . Applied Linguistics, 2, 23.

Hong T. (2021). Chuji Hanyu zonghe jiaocai zhong de wenhua yinsu fenxi 初级汉语综合教材中的文化因素分析(Cultural Factors in Teaching Chinese as a Foreign Language). Master thesis of Shanghai Normal University.

Hu M.Y. (1993). Duiwai Hanyu jiaoxue zhong de wenhua yinsu 对外汉语教学中的文化因素 (Cultural Factors in Teaching Chinese as a Foreign Language). Language Teaching and Linguistic Studies, 4, 103-108.

Hu W.Z. (1997). Waiyu jiaoxue yu wenhua 外语教学与文化 (Foreign Language Teaching and Culture), Hunan Education Press.

Hu W.Z. (1999). Wenhua yu jiaoji 文化与交际(Culture and Communication). Foreign Language Teaching and Research Press.

Jiang, W.Y. (2000). The relationship between culture and language. *ELT Journal*, 54 (4), 328-334.

Jin N. (Eds.). (2003). Dongnanya Hanyu jiaoshi peixun jiaocai—Zhonghua wenhua yanxiu jiaocheng 东南亚汉语教师培训教材 -- 中华文化研修教程 (Southeast Asian Chinese Teacher Training Materials

- Chinese Culture Training Course). People's Education Press.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan* (lima waktu). Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Panduan melaksanakan modul elektif di semua sekolah kebangsaan* (3 Januari 2011). Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kroeber, A.L. & Kluckhohn, C. (1952). *Culture: A critical review of concepts and definitions*, (Vol. 47). Cambridge, USA: Peabody Museum of American Archaeology and Ethnology Papers.

Retrieved from <http://www.pseudology.org/psychology/culturecriticalreview1952a.pdf>

Lee E. K. & Tei C. P. (2013). Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Buku Teks Tahun Empat 小学标准课程四年级国小华语课本. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Li X.Q. (Eds.). (2006). *Duiwai Hanyu wenhua jiaoxue yanjiu* 对外汉语文化教学研究 (Research on Teaching Chinese as a Foreign Language). Commercial Press.

Li, X.L. (2014). “Fazhan Hanyu” chaji jieduan xilie jiaocai wenhua yinsu yanjiu 《发展汉语》初级阶段系列教材文化因素研究(A Study on the Cultural Factors of the Series of Textbooks in the Primary Stage of “Development Chinese”). Master thesis of Yangzhou University.

Lian D.C. (2006). *Qianxi waiyu jiaoxue zhong de wenhua jiaoxue* 浅析外语教学中的文化教学(A Brief Analysis of Cultural Teaching in Foreign Language Teaching. Journal of Qiongzhou University, 13, 4.

Liew Y.L. (2007). *Duiwai Hanyu chaji jiaocai wenhua xiangmu de bianpai yanjiu* 对外汉语初级教材文化项目的编排研究(A Study on the Presentation of Cultural Items of the Elementary Textbooks for TCFL ), Master thesis of Xiamen University.

Lin G.L. (1997). *Goujian duiwai Hanyu jiaoxue de wenhua yinsu tixi——yanzhi wenhua dagang zhi wo jian* 构建对外汉语教学的文化因素体系——研制文化大纲之我见(Constructing the Cultural Factors System of Teaching Chinese as a Foreign Language —— My Opinion on Developing Cultural Outline). *Language Teaching and Linguistic Studies*, 1, 17-28.

Lin Z.H. (2009). *Duiwai Hanyu wenhua jiaocai yanjiu shuping* 对外汉语文化教材研究述评(Review on the Research of Teaching Materials of TCFL) . *Overseas Chinese Language and Culture Education*, 4, 66-70.

Lin, X. (2011). *Duiwai Hanyu jiaocai de wenhua yinsu yanjiu* 对外汉语教材的文化因素研究(Study on the Cultural Factors of Teaching Chinese as a Foreign Language). Master thesis of Sichuan Normal University.

Lin, Y.H. (2017). CultureTeaching and Learning in an Advanced Placement Chinese Course. Doctoral dissertation of The University of San Francisco.

Liu J. & Guo G.W.(2021). *Guoji Hanyu jiaocai zhong wenhua yinsu de chuli celüe tansuo* 国际汉语教材 Universiti Teknologi MARA, Vol. 5, No. 4, 2021

中文化因素的处理策略探索 (An Exploration of the Processing Strategies of Cultural Factors in International Chinese Textbooks). Journal of Xingtai University, 36(3), 181-187.

Liu X. (2006). Hanyu zuowei di-er yuyan jiaoxue jianlun 汉语作为第二语言教学简论(A Concise Introduction to Teaching Chinese as a Second Language). Beijing Language and Culture University Press.

Liu X. (2014). Duiwai Hanyu jiaoyuxue yinlun 对外汉语教育学引论(An Introduction to Teaching Chinese Language as a Foreign Language). Beijing Language University Press.

Liu Y.H.(2005). Zhongwen jiaocai de kewen he yufa 中文教材的课文和语法(The Contents and Grammars in Chinese Teaching Materials). In D. Z. Yao (Eds.), Zhongwen jiaocai yu jiaoxue yanjiu 中文教材与教学研究 (The study of Chinese Teaching Materials and Instructions). Beijing Language and Culture University Press, 26-52.

Liu Z.Q. (2004). Hanyu yuwen jiaocai gailun 汉语语文教材概论(Introduction to Chinese Language Teaching Materials). Peking University Press.

Lou Y. (2006). Guanyu duiwai Hanyu yu wenhua jiaocai wenhua neirong sheji de ji dian sikao 关于对外汉语与文化教材文化内容涉及的几点思考(Some Reviews on the Cultural Content of Teaching Chinese as a Foreign Language and Cultural Materials). Language and Language Applications, 1, 93-98.

Lu J.J. (1990). Duiwai Hanyu jiaoxue jichu jieduan chuli wenhua yinsu de yuanze he zuofa 对外汉语教学基础阶段处理文化因素的原则和做法(Principles and Practices of Cultural Factors in the Basic Stage of Teaching Chinese as a Foreign Language) . Language Teaching and Linguistic Studies, 1, 37-46.

Lu M. T. (2017). Hanguo chuji Hanyu jiaocai de wenhua yinsu fenxi——yi chuzhong jiaocai “Shenghuo Zhongguoyu” wei li 韩国初级汉语教材的文化因素分析——以初中教材《生活中国语》为例(Research on Cultural Factors of Teaching Materials of South Korea—— “Daily Life Chinese”), Master thesis of Xi'an International Studies University.

Lu W. (2009). Guanyu duiwai Hanyu jiaocai yanfa ji ge wenti de sikao 关于对外汉语教材研发几个问题的思考(Thoughts on Several Problems in the Development of Teaching Chinese as a Foreign Language). Overseas Chinese Education, 2, 1-6.

Lu W. (1996). Duiwai Hanyu jiaoxue Zhongguo de wenhua yinsu yanjiu pingshu 对外汉语教学中国 的文化因素研究述评(A review of Chinese Cultural Factors in Chinese as a Foreign Language Teaching). Chinese Teaching in The World, 2, 41-45.

Lu W. (2005). “Chengfeng Hanyu” de Zhongguo wenhua jiaoxue yanjiu 《乘风汉语》的中国文化 教学研究(Chinese Cultural Teaching Research in “Wind Chinese” ). In Liu S.H. (Eds.), Design and research of “Chinese Style”. Beijing: World Book Publishing Company, 43-61.

Luo Z. (2010). Duiwai Hanyu chuji zonghe jiaocai zhong de wenhua yinsu daoru fangshi yanjiu 对外汉语初级综合教材中的文化因素导入方式研究(The Cultural Factors Lead in Chinese Primary Comprehensive Teaching Materials for TFLS). Master thesis of Shandong University.

to the Development of Teaching Chinese as A Foreign Language). Beijing Language and Culture University Press.

Lv B.S. (2007). Hanyu he Hanyu zuowei di-er yuyan jiaoxue 汉语和汉语作为第二语言教学 (Chinese Language and Teaching Chinese as A Second Language). Peking University Press.

Meng Z.M. (1992). Jiaoji wenhua yu duiwai Hanyu jiaoxue 交际文化与对外汉语教学 (Culture of Communicative and Teaching Chinese as a Foreign Language ). Language Teaching and Linguistic Studies, 1, 95-110.

Ning L. (2016). Kua wenhua jiaoji shijiao xia “Fazhan Hanyu” chu, zhongji kouyu jiaocai zhong de wenhua yinsu yanjiu 跨文化交际视角下《发展汉语》初、中级口语教材中的文化因素研究(The Investigation into Cultural Factors the Early and Intermediate Spoken Language Teaching Materials --“Developing Chinese” from Cross-cultural Communication Perspective). Master thesis of Soochow University.

Shu D.F. 束定芳. 1996. Language and cultural relations and the introduction of culture in the basic stage of foreign language teaching 语言与文化关系以及外语基础阶段教学中的文化导入问题. Foreign Language World, 61 (1), 11-17.

Tan K.K & Yee S.Y. (2015). Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Buku Teks Tahun Enam 小学标准课程六年级国小华语课本. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tei C.P. (2009). Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Buku Teks Tahun Empat 小学综合课程四年级国小华语课本. The Malaya Press Sdn. Bhd.

Tei C.P. (2010). Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Buku Teks Tahun Lima 小学综合课程五年级国小华语课本. The Malaya Press Sdn. Bhd.

Tei C.P. (2011). Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Buku Teks Tahun Enam 小学综合课程六年级国小华语课本.: Pan Malayan Publishing Co. Sdn. Bhd.

Teo, M.H. (2013). Malaixiya yu Zhongguo shao'er Hanyu jiaocai duibi fenxi –yi “ Yi Nianji Guoxiao Huayu” he “Hanyu Leyuan” wei li 马来西亚与中国少儿汉语教材对比分析 – 以《一年级国小华语》和《汉语乐园》为例(Comparison and Analysis on Two Sets of Children’s Teaching Materials from Malaysia and China – Primary One Chinese Language for National Primary School and Firdaus Bahasa Mandarin). Master thesis of Beijing Language and Culture University.

Wang Q. (2021). Zhongguo tese zhengjing cihui fanyi zhong wenhua yinsu de kaoliang 中国特色政经词汇翻译中文化因素的考量(Analysis of Cultural Factors in Translating Vocabulary of Politics and Economics with Chinese Characteristics). Journal of Changchun Normal University, 40(11), 79-82.

Wei C.M. & Bian J.F. (1992). Jichu Hanyu jiaoxue jieduan wenhua daoru neirong chutan 基础汉语教学阶段文化导入内容初探 (Basic Chinese Teaching Stage of the Cultural Content). Chinese Teaching in the World, 1, 55-60.

Wu T.C. (2013). “Xiongyali Hanyu Keben” zhong de wenhua yinsu kaocha yanjiu 《匈牙利汉语课本》中的文化因素考察研究 (The Research of Cultural Factors about Kinai Nyelvkony Magyaroknak).

Yang S. Q. (2020). Hanyu jiaocai “Jinbu” zhong de wenhua yinsu fenxi ji jiaoxue shijian kaocha 汉语教材《进步》中的文化因素分析及教学实践考察( A Case Study of Jin Bu: An Analysis of the Cultural Content and Its Application to Teaching Practice). Master thesis of Guangdong University of Foreign Studies.)

Yeap, S. P. (2012). Dui Malaixiya guomin xiaoxue jiaocai “Guoxiao Huayu” de diaocha yu sikao 对马来西亚国民小学教材《国小华语》的调查与思考(The Investigation and Reflection on the Primary School Textbook BCSK of Malaysian National Primary School) Master thesis of Minzu University of China.

Yi Z. (2012). Jiyu “Boya Hanyu” jiaocai de wenhua yinsu diaocha yanjiu 基于《博雅汉语》教材的文化因素调查研究(Research of Cultural Factors Survey Based on the Boya Chinese. Master thesis of Xinjiang Normal University.

Zhang Z. Y. (1984). Hanyu gebie jiaoxue ji qi jiaocai 汉语个别教学及其教材 (Chinese Individualized Instruction and Its Teaching Materials). Language Teaching and Linguistic Studies, 3, 57-67.

Zhang Z. Y. (1990). Shi yi jiaoji wenhua he zhishi wenhua 试议交际文化和知识文化(Discussion of Communication Culture and Knowledge Culture. Language Teaching and Linguistic Studies, 3, 15-32.

Zhao J. M. (2004). Duiwai Hanyu jiaoxue gailun 对外汉语教学概论(Introduction to Teaching Chinese as a Foreign Language ). Commercial Press.

Zhao J.M. (2008). Hanyu zuowei di-er yuyan jiaoxue: linian yu moshi 汉语作为第二语言教学: 理念与模式(Chinese as a Second Language Teaching: Concepts and Models). Chinese Teaching in the World, 1, 93-107.

Zhao X.Z. (1987). Jiaocai bianxie sanlun 教材编写散论(Something about Writing and Editing Teaching Materials). Chinese Teaching in the World, 1, 46-49.

Zhao X.Z. (1989). Wenhua chayi yu wenhua daoru lunlüe 文化差异与文化导入论略 (Cultural Differences and Cultural Guide. Language Teaching and Linguistic Studies, 1, 79.

Zhao X.Z. (1992). Guanyu wenhua daoru de zai sikao 关于文化导入的再思考 (On the Cultural Re-thinking). Language Teaching and Linguistic Studies, 3, 37.

Zheng, W. L. (2008). Malaixiya guomin xiaoxue Huayu kecheng ji jiaocai de yang yanjiu 马来西亚国民小学华语课程及教材的沿革研究(A Study on the Evolution of the Chinese Language Curriculum As Well As Teaching Materials Among the National Primary School in Malaysia). Master thesis of Jinan University.

Zhou J. (2005). Duiwai Hanyu jiaocailianxi sheji de kaocha yu sikao 对外汉语教材练习设计的考察与思考 (Investigation and Reflection on the Design of Teaching Chinese as a Foreign Language) . Zhejiang University Press.

Zhou S. Y. (Eds.). (2009). Duiwai Hanyu jiaoxue yu wenhua 对外汉语教学与文化 (Teaching Chinese as A Foreign Language and Culture). Beijing Language and Culture University Press.

Zhu D.D. (2004). Duiwai Hanyu jiaoxue chuji jieduan wenhua yinsu daoru yanjiu 对外汉语教学初级阶段文化因素导入研究 (Research on the Introduction of Cultural Factors at the Primary Stage of the

Teaching of Chinese to Foreigners). Master thesis of Fujian Normal University.

Zhu H. (2015). Kua wenhua jiaoji shijiao xia duiwai Hanyu jiaocai zhong de Hanyu wenhua ciyu shiyi yanjiu—yi “Fazhan Hanyu”zonghe jiaocai wei li 跨文化交际视角下对外汉语教材中的汉语文化词语释义研究 -- 以《发展汉语》综合教材为例(Research on the Interpretation of Chinese Cultural Words in Teaching Chinese as a Foreign Language from the Perspective of Cross-cultural Communication -- A Case Study of the Textbook “Developing Chinese” ). Master thesis of Yunnan Normal University.

Zhu H.Q. (2008). Shi lun duiwai Hanyu de wenhua yinsu jiaoxue 试论对外汉语的文化因素教学 (Research on Cultural Factors in Teaching Chinese as Foreign Language). Master thesis of Shanghai International Studies University.